

01 OCT 1999

Pelancongan

SABAH AKAN TEROKAI PASARAN PELANCONGAN AMERIKA SECARA AGRESIF

KOTA KINABALU, 1 Okt (Bernama) -- Sabah akan terokai pasaran Amerika Syarikat secara agresif untuk menarik lebih ramai pelancong Amerika, kata Menteri Pembangunan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi negeri Datuk Chong Kah Kiat.

"Yang jelasnya, pasaran Amerika amat penting tetapi kita masih belum dapat menerokainya, setakat yang melibatkan Sabah," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku bertajuk "A Guide to The Snakes of Borneo", di sini hari ini.

Chong mengulas cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pengusaha utama pelancongan Amerika Syarikat dijemput ke Malaysia untuk melihat sendiri potensi pelancongan Malaysia.

Beliau berkata oleh kerana perdana menteri sudah memberikan lampu hijau, tumpuan kini ialah mempromosikan Malaysia, terutama Sabah, di Amerika Syarikat.

"Sebelum ini, banyak masa digunakan untuk memasarkan dan mempromosikan Malaysia di Eropah dan Australia," katanya.

Chong mempertahankan keputusan Kerajaan Persekutuan yang menaikkan status Kota Kinabalu sebagai sebuah bandaraya dengan menyatakan bahawa ibu negeri itu akan berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menangani pelbagai masalah bandaraya, termasuk kemasukan besar-besaran pendatang tanpa izin.

Mengenai kritikan pertubuhan bukan kerajaan mengenai status Kota Kinabalu yang dinaikkan sebagai bandaraya itu, Chong berkata: "Mereka bebas untuk melahirkannya...saya hormati pendapat mereka. Satu perkara ialah kita mesti sentiasa melihat sesuatu perkara itu secara positif, pada pendapat saya... kita tidak boleh bersikap negatif."

Terdahulu, dalam ucapannya, Chong berkata penerbitan buku itu tepat pada masanya untuk menyokong usaha negeri dalam mempromosikan warisan semulajadi Sabah.

Buku setebal 254 muka surat itu ditulis oleh Robert B. Stuebing dan Robert F. Inger.

-- BERNAMA

NT RYN RHM